

BAB 7

HARTA INTELEK

<https://bit.ly/ebookRC15>



STANDARD PEMBELAJARAN

- **Menerangkan definisi harta intelek.**
- **Menerangkan kepentingan harta intelek.**
- **Menjelaskan jenis harta intelek:**
 - (i) Hak Cipta**
 - (ii) Harta Industri**
 - (a) Paten**
 - (b) Cap Dagangan**
 - (c) Reka Bentuk Industri**
 - (d) Petunjuk Geografi**
 - (e) Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu.**
- **Menghuraikan proses mendaftarkan harta intelek mengikut jenis produk.**
- **Membuat justifikasi keperluan pendaftaran bagi sesuatu harta intelek.**
- **Mengkaji isu-isu berkaitan kepentingan harta intelek.**

HARTA INTELEK

Pembangunan harta intelek menjadi pendorong utama kepada pereka cipta dan pencipta untuk menghasilkan harta intelek yang baharu. Harta intelek juga menggalakkan pengkomersialan, pemindahan teknologi dan perdagangan antarabangsa sesuatu produk yang telah dihasilkan.

Hari Harta Intelek Sedunia disambut pada 26 April setiap tahun untuk meningkatkan kesedaran masyarakat awam tentang harta intelek dan cara ia menggalakkan perkembangan muzik, kesenian, hiburan dan inovasi produk dan teknologi.



ANUGERAH HARTA INTELEK NEGARA 2018
PERINGKAT NASIONAL

Anugerah ini merupakan pengiktirafan kepada atau pencipta atas sumbangan penghasilan harta intelek dalam pembangunan sosio-ekonomi negara. Anugerah ini terbuka kepada organisasi, individu dan pelajar. Untuk maklumat lanjut, layari www.myipo.gov.my.

TEMPOH PENYERTAAN
6 FEB - 6 APRIL 2018

KATEGORI ORGANISASI (PENURUSAN HARTA INTELEK TERBAIK)
EMAS RM30,000
PERAK RM20,000
GANGSA RM10,000

KATEGORI REKA BENTUK PERINDUSTRIAN, PATEN, CAP DAGANGAN DAN HAK CIPTA
EMAS RM10,000
PERAK RM7,000
GANGSA RM5,000

KATEGORI PEREKACIPTA HARTA INTELEK (PELAJAR INSTITUSI KEMAHIRAN ATAU SETARAF)
EMAS RM7,000
PERAK RM5,000
GANGSA RM4,000

PEREKACIPTA MUDA HARTA INTELEK (PELAJAR SEKOLAH MENENGAH)
EMAS RM6,000
PERAK RM4,000
GANGSA RM3,000



**INNOVATE
FOR A
GREEN
FUTURE**

**WORLD
INTELLECTUAL
PROPERTY DAY
2020**



**GOING
FOR GOLD
IP AND SPORTS**
WORLD INTELLECTUAL PROPERTY DAY
2019



WIPO

**WORLD
INTELLECTUAL PROPERTY
ORGANIZATION**



**WORLD INTELLECTUAL
PROPERTY DAY 2019
APRIL 26**


wipo.int/ipday



THE
PROTECTION OF
INTELLECTUAL
PROPERTY
RIGHTS

2019

ON APRIL 26



THE WORLD INTELLECTUAL

PROPERTY DAY

RESPECT INTELLECTUAL PROPERTY RIGHTS

INNOVATION -
THE WORLD TOGETHER

GET UP
STAND UP FOR MUSIC

CREATIVITY
THE NEXT GENERATION

EACH YEAR THE WORLD INTELLECTUAL PROPERTY ORGANIZATION WILL DETERMINE A THEME. EACH MEMBER SHOULD REVOLVE AROUND THE THEME DURING THE WORLD INTELLECTUAL PROPERTY DAY HELD A VARIETY OF PROMOTIONAL ACTIVITIES.

HARTA INTELEK



Perbadanan Harta Intelek Malaysia
Intellectual Property Corporation of Malaysia
www.myipo.gov.my

A banner for the MyIPO website. At the top center is the MyIPO logo. To its right, the text reads "SELAMAT DATANG KE LAMAN WEB RASMI PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA (MyIPO)". Below this, a network of icons is connected by lines. The icons include: a red circle with a white 'R' for "CAP DAGANGAN" (Trademarks); a silver globe for "PATEN" (Patents); an orange circle with a white 'C' for "HAKCIPTA" (Copyrights); a red circle with a white 'ID' for "REKA BENTUK PERINDUSTRIAN" (Industrial Designs); a silver globe for "PETUNJUK GEOGRAFI" (Geographical Indications); and a red circle with a white 'SI' for "SUSUN ATUR LITAR BERSEPADU" (Integrated Circuit Layouts). At the bottom left are social media icons for Facebook (labeled "ipmalaysia"), YouTube (labeled "ipmalaysia"), and Twitter (labeled "myipo"). At the bottom right is a white box containing the URL <http://www.myipo.gov.my/ms/start/>.

Di Malaysia, perlindungan harta intelek diletakkan di bawah tanggungjawab Perbadanan Harta Intelek Malaysia.

MyIPO ialah sebuah badan yang dipertanggungjawabkan untuk **membangun dan mengurus sistem harta intelek** di Malaysia. Tujuan penubuhan MyIPO adalah sebagai satu badan berkanun yang dikawal selia oleh KPDHEP untuk menguruskan permohonan pendaftaran seterusnya menyelia beberapa akta perlindungan bagi semua komponen harta intelek.

HARTA INTELEK

Peranan MyIPO



1
Menggalakkan program kesedaran awam mengenai kepentingan harta intelek.

2
Mewujudkan sistem pentadbiran yang cekap dan berkesan.

3
Menyediakan maklumat harta intelek yang lengkap dan mesra pengguna.

4
Menyediakan khidmat nasihat harta intelek.

5
Memperkuhkan perundangan harta intelek.


Definisi dan Kepentingan Harta Intelek

HI merujuk kepada harta **yang lahir daripada kreativiti minda** manusia seperti karya sastera dan seni, simbol, nama, imej, reka cipta dan reka bentuk yang digunakan dalam perdagangan

HI dilindungi undang-undang bagi membolehkan orang ramai untuk mendapat **pengiktirafan atau faedah kewangan** daripada bahan yang dicipta. Menurut Richard Raysman, Edward A. Pisacreta dan Kenneth A. Adler di dalam buku mereka *Intellectual Property Licensing: Forms and Analysis*, **HI** merujuk kepada beberapa jenis ciptaan fikiran berlainan yang hak eksklusif diakui di bawah bidang undang-undang berkait.

Secara umumnya, sistem perlindungan **HI** memberi **hak eksklusif** kepada pemiliknya untuk **mengawal dan mengeksploitasi** harta intelek mereka, termasuklah hak untuk membuat, mengguna, mengedar, menjual dan mengimport. Mereka juga **boleh mengambil tindakan undang-undang** ke atas pihak yang melanggar hak mereka.

Jenis Harta Intelekt di Malaysia



Undang-undang di Malaysia:

1. Akta Cap Dagangan 1976
2. Akta Paten 1983
3. Akta Hakcipta 1987
4. Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996
5. Akta Susun Atur Litar Bersepadu 2000
6. Akta Petunjuk Geografi 2000

Hak Cipta

Hak cipta ialah perlindungan yang diberikan kepada penulis, pemilik hak cipta dan pelaku tertakluk di bawah Akta Hakcipta 1987.

Karya Seni

Lukisan, catan, arca, cetakan, kraf tradisional dan dimensi baru serta karya tiga dimensi.

Siaran

Perlindungan berlaku dalam cara transmisi sama ada melalui cara wayar atau tanpa wayar.

Karya Sastera

Novel, komik, buku, risalah, manuskrip, karya syair dan penulisan lain.

Rakaman Bunyi

Wujud daripada persembahan dilakukan atau penetapan dalam rakaman bunyi.

Filem

Karya filem yang diterbitkan.

Karya Terbitan

Sesuatu karya yang telah diterbitkan.

Karya Muzik

Karya muzik dan karya yang digubah untuk iringan muzik.

Karya dilindungi tanpa mengira kualiti dan tujuan dihasilkan. Walau bagaimanapun, perlindungan hak cipta hanya boleh diberikan kepada ekspresi idea dan tidak kepada idea, prosedur, kaedah pengendalian atau konsep matematik.

Harta Industri

Paten

Paten ialah satu hak eksklusif yang dianugerahkan oleh pihak kerajaan untuk suatu **reka cipta baharu** sama ada rekaan itu merupakan satu **produk** atau satu **proses**.

Pembaharuan utiliti

Hak eksklusif yang diberikan untuk suatu **reka cipta kecil** yang tidak perlu melalui ujian langkah mereka cipta sepertimana untuk mendapat paten.

Tempoh Paten

20 tahun daripada tarikh pemfailan (tertakluk kepada pembayaran fi tahunan)

Pembaharuan utiliti - 10 tahun daripada tarikh pemfailan (boleh dilanjutkan selama **5 + 5** tahun tertakluk kepada penggunaannya)

Harta Industri

Paten

**REKA CIPTA
YANG TIDAK
BOLEH
DIPATENKAN**

Penemuan, teori-teori saintifik dan kaedah-kaedah matematik.

Varieti tumbuhan atau haiwan atau proses yang pada dasarnya ialah proses biologi bagi pengeluaran tumbuhan atau haiwan, selain daripada mikroorganisma hidup buatan manusia, proses mikrobiologi dan keluaran-keluaran proses mikroorganisma itu

Skim, aturan atau kaedah bagi menjalankan perniagaan

Kaedah merawat tubuh manusia atau haiwan melalui

Kaedah merawat tubuh manusia atau haiwan melalui pembedahan atau terapi, dan kaedah diagnosis pada manusia atau haiwan.

Harta Industri

Cap Dagangan

Cap yang digunakan atau dicadang untuk digunakan bagi tujuan **menunjukkan hubungan antara barangan atau perkhidmatan dengan pemilik atau pengguna berdaftar cap dagangan** tersebut di dalam urusan perniagaan Seksyen 3 – Akta Cap Dagangan 1976.

Perkataan, logo, gambar, nama, huruf, nombor atau kombinasi daripada unsur-unsur tersebut.

Pengguna boleh mengenali dan mengaitkan suatu keluaran dengan peniagaan tertentu melalui cap dagangan (tanda, jenama, logo atau tanda niaga)

Tanda yang diletakkan pada barang atau perkhidmatan untuk mengenal dan membezakannya daripada barang atau perkhidmatan yang dikeluarkan oleh pihak lain.



Harta Industri

Cap Dagangan

KEPENTINGAN CAP DAGANGAN

Bukti Sah Di Sisi Undang-undang

Sijil pendaftaran daripada Pejabat Pendaftar menjadi bukti sebagai pemilik yang sah cap dagangan. Bukti diterima di mahkamah dan juga pihak penguatkuasaan. Sijil merupakan dokumen penting membuktikan “kesahan” hak milik cap dagangan dalam urusan pengeksportan barangan ke luar negara.

Hak Eksklusif

Pemilik berdaftar mendapat hak eksklusif untuk menggunakan cap dagangan dalam urusan atau operasi perniagaan mereka.

Pemilik berhak mengambil tindakan undang-undang ke atas sesiapa yang menggunakannya tanpa kebenaran. Tindakan sama ada dalam bentuk sivil melalui peruntukan “infringement” di bawah Akta Cap Dagangan ataupun mengemukakan aduan kepada Bahagian Penguatkuasa, KPDNHEP untuk tindakan di bawah Akta Perihal Dagangan 1972.

Harta Industri

Cap Dagangan

CAP DAGANGAN YANG TIDAK BOLEH DIDAFTARKAN

- Mahkota atau lambang diraja atau lencana, lambang kebangsawanan atau lambang kebesaran.
- Bulan Sabit Merah dan Palang Geneva yang berwarna merah dan Palang Persekutuan Swiss yang berwarna putih atau perak yang berlatarkan warna merah
- Imej/symbol angkatan tentera dan Polis Diraja Malaysia.
- Perkataan atau representasi ASEAN dan bunga raya.
- Suatu representasi nama, lambang, bendera mana-mana organisasi antarabangsa, negeri, bandar raya, pertubuhan dan perbadanan.
- Imej/symbol Yang di-Pertuan Agong, Raja Permaisuri Agong, Sultan-sultan dan Yang Dipertua Negeri.
- Paten, telah dipatenkan, surat paten diraja, berdaftar, reka bentuk berdaftar dan hak cipta.

Cap dagangan tidak boleh didaftarkan jika mengandungi sebarang **perkataan atau representasi** yang dilarang di bawah Seksyen 15 **Akta Cap Dagangan 1976** dan Peraturan 13, 14 dan 15 **Peraturan Cap Dagangan 1997**

Harta Industri

Reka Bentuk Industri

Reka bentuk perindustrian ialah keseluruhan rupa bentuk luaran sesuatu barang atau produk. Bentuk atau tatarajah adalah contoh aspek tiga dimensi, sementara corak atau hiasan adalah dua dimensi. Ciri-ciri tiga atau dua dimensi, atau kedua-duanya sekali yang ada pada suatu barang siap hendaklah melalui kaedah perindustrian. Ciri-ciri tersebut memberi suatu penampilan yang unik pada suatu barang atau produk



Seksyen 3, Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996.

“... Reka bentuk perindustrian ialah ciri bentuk, tatarajah, corak atau hiasan yang digunakan pada sesuatu barang melalui apa-apa proses atau cara perindustrian, iaitu ciri yang ada pada barang siap, merupakan ciri yang menarik dan dinilai dengan pandangan mata...”

Harta Industri

Reka Bentuk Industri

**REKA BENTUK
PERINDUSTRIAN
YANG TIDAK
BOLEH
DIDAFTARKAN**

- Ciri yang bergantung pada fungsi (*dictated solely by the function*)
- Kaedah atau prinsip pembinaan
- Tiada nilai estetik yang jelas
- Ciri yang bergantung pada rupa suatu barangan lain (*integral parts*)
- Perbezaan daripada segi butir-butir tidak material (tidak penting) atau ciri-ciri biasa yang digunakan dalam suatu perdagangan
- Bertentangan dengan ketenteraman awam atau prinsip moral

Harta Industri

Petunjuk geografi

Petunjuk geografi ialah tanda yang memberitahu para pengguna bahawa sesuatu barangan itu dihasilkan di sesuatu kawasan atau tempat tertentu. Barangan tersebut mempunyai ciri yang tersendiri dan berkait rapat dengan tempat pengeluaran atau geografinya. Selain itu, barangan tersebut dipengaruhi oleh faktor persekitaran seperti iklim dan tanah.



Petunjuk geografi

Petunjuk geografi yang telah didaftarkan

Antara yang telah didaftarkan di Malaysia:

“Sabah Tea”

“Tenom Coffee”

“Borneo Virgin Coconut Oil”

“Sabah Seaweed”

Contoh lain

Mangga Harumanis Perlis

Kek Lapis Sarawak

Labu Sayong Perak

Cencaluk Melaka



Pengecualian daripada petunjuk geografi

- Petunjuk geografi yang bertentangan dengan adat atau ketenteraman awam atau moraliti wilayah asal.
- Petunjuk geografi yang tidak atau telah berhenti untuk dilindungi di dalam negara mereka.
- Petunjuk geografi yang telah terbahagi dan tidak lagi digunakan di dalam atau di negara wilayah asal.

Harta Industri

Reka bentuk susun atur litar bersepadu

Reka bentuk susun atur litar ersepadu ialah susunan tiga dimensi unsur-unsur sesuatu litar bersepadu dan sebahagian atau semua hubungan litar bersepadu itu atau susunan tiga dimensi sedemikian yang disediakan bagi sesuatu litar bersepadu yang dimaksudkan untuk dikilang



(i) Prosedur permohonan paten/ pembaharuan utiliti (Akta Paten 1983)

Prosedur permohonan paten atau pembaharuan utiliti secara manual

1. Pemohon perlu mengemukakan Borang 1 untuk paten dan Borang 14 untuk pembaharuan utiliti, berserta yuran yang ditetapkan.
2. Sekiranya borang lengkap, pemohon akan diberi satu tarikh pemfailan.
3. Borang yang tidak lengkap, perlu membuat pembetulan dan tempoh diberi adalah tiga bulan.
4. Setelah membuat pembetulan dan borang masih tidak diterima, pemohon boleh membuat rayuan di Mahkamah Tinggi Harta Intelektual.
5. Bagi pemohon yang borangnya lengkap, pemeriksaan akan bermula dan permohonan dibuka untuk pemeriksaan awam. Tempohnya adalah 18 bulan dari tarikh prioriti dan tarikh pemfailan.
6. Setelah pemberian paten, pemunya paten mempunyai hak untuk mendapatkan prosiding mahkamah terhadap sesiapa yang menggunakan reka cipta miliknya tanpa kebenaran.
7. Bagi pemohon yang ditolak atau ditarik balik boleh membuat rayuan di Mahkamah Tinggi (Harta Intelektual).

Proses Mendaftar Harta Intelektual

(i) Prosedur permohonan paten/ pembaharuan utiliti (Akta Paten 1983)

Prosedur permohonan paten/pembaharuan utiliti secara atas talian

IP Online Portal menyediakan pemfailan permohonan paten baru, yang terdiri daripada Borang Paten 1 hingga Borang Paten 21. Dokumen dan bentuk sokongan lain boleh dimuat naik semasa proses pemfailan.

Persediaan sebelum memulakan:

1. Sediakan semua dokumen dalam format digital, contoh: Borang 17, Borang 5 atau Borang 5A dan lain-lain.
2. Penerangan dan Tuntutan adalah dokumen wajib. Ia mesti dimuat naik semasa pemfailan.
3. Asingkan spesifikasi ke dalam fail yang berasingan: Tuntutan, Abstrak, Penerangan, Lukisan.
4. Sila pastikan lampiran anda berada dalam format ini: DOC, PDF dan TIFF.
5. Sekiranya anda adalah agen, sila sediakan Borang 17 untuk dimuat naik ke IP Online Portal.
6. Dapatkan ID Digital anda daripada MyIPO <https://digitalid.msctrustgate.com/MyIPO>.
7. Masukkan ID Digital anda ke dalam PC atau simpan ke peranti storan sekunder anda contohnya, thumb drive.
8. ID Digital hendaklah disertakan dengan permohonan anda.
9. Teruskan dengan pembayaran. Semak yuran dalam jadual Skim Harga.
10. Cetak salinan Borang Paten 1 sebelum anda membuat pembayaran.
11. Cetak halaman Pengesahan setelah selesai pemfailan.

Proses Mendaftar Harta Intelek

(ii) Prosedur permohonan cap dagangan (Akta Cap Dagangan 1976)

Prosedur permohonan cap dagangan secara manual

1. Pemohon perlu mengemukakan Borang CD5, berserta yuran yang ditetapkan.
2. Pemeriksaan formaliti akan dibuat.
3. Sekiranya mematuhi, akan melalui proses pemeriksaan terhadap kebolehdaftaran dan carian cap-cap terdahulu.
4. Jika tidak mematuhi syarat yang ditetapkan, maka pindaan akan dibuat dalam tempoh 12 bulan.
5. Permohonan yang diterima akan melalui proses pewartaan, dalam tempoh dua bulan untuk bangkangan. Jika tiada bangkangan, sijil pendaftaran akan dikeluarkan.
6. Sekiranya permohonan dibantah, rayuan bertulis boleh dibuat.
7. Jika permohonan masih tidak diterima, boleh membuat rayuan di Mahkamah Tinggi (Harta Intelek).

Proses Mendaftar Harta Intelek

(ii) Prosedur permohonan cap dagangan (Akta Cap Dagangan 1976)

Prosedur permohonan cap dagangan secara atas talian

IP Online Portal menyediakan pemfailan permohonan Cap Dagangan baharu, yang mengandungi borang TM1 hingga TM31. Dokumen berkaitan dan sokongan lain boleh dimuat naik sebagai lampiran semasa proses pemfailan.

Persediaan sebelum memulakan pendaftaran:

1. Sediakan dokumen dalam format digital (GIF, TIFF, PDF atau DOC).
2. Sila pastikan bahawa representasi Cap Dagangan dalam format GIF dengan saiz tidak melebihi 100KB dan 120 × 90 piksel.
3. Jika anda adalah ejen berdaftar, sila sediakan TM1 anda untuk dimuat naik ke IP Online Portal.
4. Sediakan Akuan Berkanun dalam format TIFF atau PDF.
5. Sediakan Senarai Barangan dalam bentuk fail DOC untuk dimuat naik ke IP Online Portal.
6. Dapatkan ID Digital dari MyIPO – <https://digitalid.msctrustgate.com/MyIPO>.
7. Pasang ID Digital ke dalam PC.
8. ID Digital hendaklah disertakan dengan borang permohonan.
9. Teruskan dengan pembayaran. Sila semak yuran dalam jadual bayaran.
10. Sila cetak salinan borang TM5 sebelum membuat pembayaran.
11. Sila cetak borang pengesahan setelah selesai pemfailan.

Proses Mendaftar Harta Intelek

(iii) Prosedur permohonan reka bentuk industri (Akta Reka Bentuk Industri 1996)

Prosedur permohonan reka bentuk industri secara manual

1. Pemohon menyerahkan borang ID 1 untuk permohonan individu dan permohonan berganda pertama, seterusnya dan bayaran pewartaan untuk setiap tontonan, berserta bayaran yuran yang ditetapkan.
2. Seterusnya, pemeriksaan akan dijalankan.
3. Jika memenuhi pematuhan yang ditetapkan, permohonan diterima dan sijil pendaftaran dikeluarkan.
4. Jika permohonan tidak diterima atau ditolak, rayuan boleh dibuat di Mahkamah Tinggi (Harta Intelek).

Proses Mendaftar Harta Intelek

(iii) Prosedur permohonan reka bentuk industri (Akta Reka Bentuk Industri 1996)

Prosedur permohonan reka bentuk industri secara atas talian

IP Online Portal menyediakan pemfailan permohonan Reka Bentuk Industri baharu, yang mengandungi borang ID 1 sehingga borang ID 14. Dokumen berkaitan dan sokongan lain boleh dimuat naik sebagai lampiran semasa proses pemfailan.

Persediaan sebelum memulakan pendaftaran:

1. Sediakan semua dokumen dalam format digital, keutamaan dokumen adalah seperti berikut:
 - Borang RBP1, borang RBP10 (sekiranya menggunakan ejen), SJAR, dokumen representasi, dokumen prioriti dan lain-lain.
2. Sila pastikan lampiran anda berada dalam format ini: DOC, PDF dan TIF.
3. Dapatkan ID Digital anda sendiri daripada MyIPO
<https://iponline.myipo.gov.my/iponline/index.cfm?235F1706-C942-BB75-2F5C-0CDF8FE29E1D>.
4. Pasang ID Digital anda ke dalam PC atau simpan ke peranti storan kedua contohnya, thumb drive.
5. ID Digital hendaklah disertakan dengan permohonan anda.
6. Teruskan dengan pembayaran. Semak yuran dalam jadual Skim Harga.
7. Cetak salinan Borang RBP1, sebelum anda membuat pembayaran.
8. Cetak halaman Pengesahan setelah selesai pemfailan.

Proses Mendaftar Harta Intelek

(iv) Prosedur permohonan petunjuk geografi (Akta Petunjuk Geografi 2000)

Prosedur permohonan petunjuk geografi secara manual

1. Pemohon melengkapi dan menyerahkan borang PG1 berserta yuran yang ditetapkan.
2. Pemeriksaan formaliti akan dibuat.
3. Jika permohonan diterima maka pewartaan akan dibuat.
4. Dalam tempoh dua bulan, pewartaan dibuka untuk bangkangan.
5. Jika tiada bangkangan, sijil pendaftaran dikeluarkan.
6. Sekiranya permohonan tidak memenuhi peruntukan yang ditetapkan, pindaan akan dibuat.
7. Jika pindaan diterima, pemohon boleh meneruskan permohonan. Sekiranya pindaan tidak diterima, permohonan akan ditolak.
8. Jika berlaku bangkangan oleh pihak ketiga dalam tempoh pewartaan, pemohon boleh membuat rayuan di Mahkamah Tinggi (Harta Intelek).

Proses Mendaftar Harta Intelek

(iv) Prosedur permohonan petunjuk geografi (Akta Petunjuk Geografi 2000)

Prosedur permohonan petunjuk geografi secara atas talian

IP Online Portal menyediakan permohonan pemfailan permohonan petunjuk geografi, yang terdiri daripada Borang GI 1 hingga Borang GI 19. Borang-borang yang berkaitan dan dokumen sokongan boleh dimuat naik sebagai lampiran semasa proses pemfailan.

Persediaan sebelum memulakan pemfailan:

1. Sediakan dokumen dalam format digital (GIF, TIFF, PDF atau DOC).
2. Sila pastikan bahawa representasi Petunjuk Geografi dalam format GIF dengan saiz tidak melebihi 100KB dan 120 × 90 piksel.
3. Sediakan Akuan Berkanun dalam format TIFF atau PDF.
4. Sediakan Senarai Barangan dalam bentuk fail DOC untuk dimuat naik ke IP Online Portal.
5. Dapatkan ID Digital dari MyIPO – <https://digitalid.msctrustgate.com/MyIPO>
6. Pasang ID Digital ke dalam PC.
7. ID Digital mestilah disertakan dengan borang permohonan.
8. Teruskan dengan pembayaran. Sila semak Fi dalam jadual bayaran.
9. Cetak borang pengesahan setelah selesai pemfailan.

Proses Mendaftar Harta Intelek

(v) Carta Aliran Prosedur Permohonan Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu

Prosedur Permohonan Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu

1. Menerima borang permohonan Perlindungan Harta Intelek daripada pereka cipta.
2. Semakan borang permohonan (Invention Disclosure Form) maklumat lengkap/tidak.
3. Tidak lengkap – kembalikan kepada pereka cipta.
4. Sediakan surat makluman kepada pereka cipta.
5. Kelulusan perlindungan Hak cipta.
6. Tidak lulus – makluman kepada pereka cipta.
7. Surat makluman kepada pereka cipta untuk kelulusan permohonan Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu.

Justifikasi Keperluan Pendaftaran Harta Intelek

1

Pertahanan diri

Pendaftaran harta intelek dikategorikan sebagai salah satu aspek pengurusan risiko. Memberi perlindungan kepada harta intelek sebelum memperkenalkan kepada pasaran akan mengurangkan risiko melanggar harta intelek pihak lain.

2

Pengurangan kekeliruan pelanggan

Melalui pendaftaran harta intelek, pencipta karya boleh memberitahu kepada umum bahawa produk tersebut ialah kepunyaan mereka terutamanya bagi cap dagangan dan petunjuk geografi. Pendaftaran harta intelek adalah seperti meletakkan label pada produk supaya mudah dikenal.

Justifikasi Keperluan Pendaftaran Harta Intelek

3

Mengelakkan aktiviti peniruan, penyalinan, plagiarisme dan pemalsuan

Sekiranya mana-mana pihak yang menjadi mangsa dalam aktiviti ini, mereka boleh membuat tuntutan untuk pampasan dengan pihak yang bertentangan melalui kaedah yang sah selagi mereka adalah pemilik harta intelek.

4

Sumber kewangan

Melalui hak eksklusif, pemilik boleh memperuntukkan penggunaan harta intelek mereka kepada pihak lain sama ada dalam bentuk perlesenan atau usaha sama bagi memperoleh manfaat dalam aspek kewangan. Harta intelek yang bernilai dapat membantu memasuki pasaran global.

Isu-isu Kepentingan Harta Intelek

cetak rompak atau peniruan produk

Tugasan

Laksanakan SATU kajian kes melibatkan isu cetak rompak atau peniruan produk.

Buat **laporan kajian kes** mengenai kajian anda.

Laporan mesti sekurang-kurangnya mengandungi aspek berikut:

- a) Tajuk kajian
- b) Punca
- c) Kesan dan akibat
- d) Langkah penyelesaian

terima kasih